

01/08/1999

Pas tidak pasti pendirian pengundi

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

PENGARANG novel *Shit Datuk* Prof Shahnun Ahmad dalam ceramahnya di Taman Rakyat, Alor Star, baru-baru ini berkata, beliau tidak bimbang dengan cadangan melarangnya daripada memasuki Kedah berikutan kandungan novel itu yang menghina Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, jika cadangan itu diterima, beliau dapat kembali ke kampungnya di Sik apabila Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor menjadi Menteri Besar Kedah.

Kenyataan Shahnun, itu sudah cukup untuk menggambarkan keyakinan Pas untuk membuat kejutan di Kedah dan ia juga adalah pandangan sesetengah pihak termasuk penyokong BN, ahli Umno serta penyokong pembangkang.

Ada yang menyatakan, Umno Kedah bakal menghadapi cabaran hebat pada pilihan raya ini berikutan peningkatan sokongan terhadap pembangkang, khususnya Pas dan Keadilan.

Malah lebih menarik, Pas kelihatan yakin untuk menggugat BN, khususnya Umno berikutan kesedaran politik di kalangan rakyat disebabkan kemelut politik serta ekonomi yang melanda negara.

Selain isu nasional yang membabitkan serangan terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan sokongan yang dikatakan meningkat kepada Keadilan, keyakinan itu timbul kerana dakwaan kononnya Umno Kedah menghadapi masalah dalaman sehingga boleh menggugat peluang BN untuk mendapat mandat baru.

Ura-ura Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid akan 'dipindahkan' ke kerusi Parlimen disebabkan pelbagai masalah dalaman Umno yang dikatakan berpunca daripada beberapa tindakannya dalam pemilihan ketua bahagian Umno tahun lalu menguatkan lagi Pas dan Keadilan untuk memberi cabaran kepada Umno.

Walaupun khabar angin itu agak kencang bertiup di kalangan pemimpin Umno di peringkat bahagian, mereka yang rapat dengan Sanusi, termasuk Setiausaha Politik merangkap Setiausaha Perhubungan Umno Negeri, Rozai Sopian menafikan khabar angin itu.

Bagaimanapun, menurut pemerhati politik, kehadiran ribuan pendengar di ceramah Mohamad Sabu, Datuk Ismail Kamus, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail dan Mahfuz Omar, bukan ukuran pengundi akan memilih pembangkang kerana golongan atas pagar dan pengundi senyap bakal menentukan kemenangan pembangkang atau BN.

"Pas sendiri tidak pasti pendirian mereka kali ini dan BN pula risau kerana golongan berkenaan mungkin menjadi punca sokongan kepada mereka merosot.

"Bagaimanapun, berdasarkan kesedaran di kalangan rakyat dan politik semasa, peluang Pas kali ini lebih cerah. Secara rambang, kita lihat ada perkembangan menunjukkan rakyat mula menuntut perubahan dan BN risau mengenai sikap pengundi senyap.

"Ia berdasarkan keputusan pilihan raya kecil Parlimen Arau tahun lalu yang mengejutkan BN dan Pas sendiri apabila majoriti kemenangan Pas mencecah lebih 1,000 undi," kata Ketua Pemuda Pas pusat, Mahfuz Omar.

Selain itu, katanya, kegagalan pentadbiran kerajaan negeri di bawah kepemimpinan Sanusi adalah faktor penyumbang kepada pembangkang dan ia dilihat sebagai bonus kepada Pas.

Ini kerana menurut Mahfuz, sepanjang tiga tahun sebagai peneraju negeri Kedah, Sanusi gagal membawa perubahan ketara dari segi pembangunan dan projek untuk rakyat serta sektor swasta.

Setiausaha Perhubungan Keadilan Kedah, Abdul Rahman Ahmad juga yakin

akan wujud perubahan di Kedah kerana Pas sangat berpengalaman di negeri ini, manakala kehadiran parti baru itu sebagai pelengkap perjuangan parti pembangkang.

Katanya, walaupun Keadilan menumpukan kawasan bandar, penyokongnya yang kecewa dengan Umno bakal memberikan undi tambahan kepada Pas di luar bandar.

"Sokongan di kalangan rakyat makin meningkat bukan saja di bandar, malah di kampung-kampung. Justeru, ia adalah satu kelebihan kepada pembangkang untuk menggugat BN kali ini," katanya.

Bagaimanapun, keyakinan agak keterlaluan kerana ramai yang sangsi keupayaan Pas membentuk kerajaan walaupun mungkin bilangan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) bertambah.

Bekas Ahli Exco dan bekas Setiausaha Perhubungan Umno Kedah, Datuk Paduka Abdul Rahman Ibrahim tidak bersetuju dengan Mahfuz kerana menurutnya kegawatan ekonomi bukan saja membantutkan pembangunan di negeri ini, malah di seluruh negara.

Penulis dan penganalisis politik, Ramli Yunus pula berkata, Sanusi yang kaya dengan idea tidak gagal dalam membangunkan Kedah, sebaliknya segelintir rakyat serta kakitangan kerajaan lambat menerima idea dicituskannya.

"Idea Sanusi sering dilihat sebagai sesuatu yang asing bagi mereka kerana ia benda baru. Bagi musuh politik Sanusi dan pembangkang pula ia dilihat sebagai peluang dijadikan isu.

"Tanam padi atas bumbung misalnya adalah simbolik saja. Ia sepatutnya dilihat secara positif. Maksudnya bukan padi saja yang ditanam atas bumbung.

"Apa kata kalau kita tanam orkid atas bumbung. Tentu Kedah akan menjadi pengeluar orkid terkenal," katanya.

Berhubung krisis yang dikatakan berlaku dalam Umno Kedah, ramai yang berpendapat bahawa ia adalah perkara biasa dalam semua pertubuhan politik, termasuk di negeri lain.

Di Kedah, menurut mereka, walaupun ada beberapa bahagian seperti di Pokok Sena dan Langkawi dikatakan menghadapi krisis, ia tidak akan menjejaskan Umno dan BN secara keseluruhan.

Ramli yang juga ahli Umno menjelaskan bahawa ia tidak boleh dianggap sebagai isu, ahli Umno perlu faham bahawa kekuatan Umno bukan bergantung kepada pemimpin semata-mata, sebaliknya perjuangan untuk memartabatkan bangsa Melayu secara khusus dan negara secara keseluruhannya.

"Sebenarnya, ia bukan krisis, tetapi kekecewaan disebabkan perubahan kepemimpinan yang sepatutnya dianggap sebagai proses biasa jika ahli Umno setia dan sayang kepada perjuangan parti," katanya.

Bagi Abdul Rahman yang tewas dalam perebutan jawatan Ketua Umno bahagian Pokok Sena kepada Ahmad Lebai Sudin pada pemilihan tahun lalu, berpendapat Umno tetap mantap walaupun ada yang kecewa.

Abdul Rahman menegaskan walaupun beliau tidak dipilih mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri Tanjung Seri kelak, komitmennya terhadap parti dan BN tidak tergugat.

"Saya akan memberikan sokongan dan bekerja untuk parti serta kerajaan. Justeru, bagi saya tidak ada sebab ahli Umno membuat keputusan sebaliknya," katanya.

Abdul Rahman juga yakin bahawa majoriti orang Melayu akan terus memberikan sokongan kepada Umno walaupun Pas dan Keadilan yakin untuk melakukan kejutan di Kedah kali ini.

Rozai pula menolak tanggapan kononnya pilihan raya kali adalah cabaran getir kepada Umno Kedah dan memberikan pandangan lebih jelas berhubung dakwaan masalah dalaman Umno.

Menurutnya, ia adalah mainan musuh politik, iaitu pembangkang serta

sedikit membabitkan ahli yang tidak faham mengenai perkembangan dalam parti.

"Umno Kedah sebenarnya tidak ada masalah. Ia cuma mainan pihak pembangkang untuk menggugat ketenteraman dalam parti. Selain itu, ia juga bagi menunjukkan kepada rakyat berlaku pergolakan.

"Adalah perkara biasa bagi musuh untuk mengelirukan rakyat dengan mengadu domba pemimpin parti serta membuat kenyataan tidak berasas, termasuk kononnya wujud pergolakan dalaman.

"Kita sebenarnya telah membuat ketetapan untuk mengekalkan persefahaman dan jika ada sedikit masalah, ia cuma kekeliruan dan diketepikan sementara waktu untuk diselesaikan selepas pilihan raya kelak," katanya.

Mengenai dakwaan Sanusi gagal membawa pembangunan, Rozai bersetuju dengan Abdul Rahman bahawa pembangunan bukan saja terjejas di Kedah, malah di tempat lain akibat kegawatan ekonomi.

Menurutnya, jika Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dikecam kerana gagal berfungsi, agensi pembangunan negeri lain juga tidak aktif seperti ketika ekonomi memuncak.

Sehubungan itu, beliau berpendapat adalah tidak adil jika pembangkang hanya melihat daripada skop yang sempit, sebaliknya perlu lebih ikhlas berdasarkan fakta tepat dalam membuat teguran.

Katanya, walaupun ekonomi menjadi halangan mencipta pembangunan, bidang lain tidak diabaikan, khususnya pembangunan kerohanian dan pendidikan.

"Pembangunan agama diperhebatkan dengan pelbagai projek bagi membentuk jiwa umat Islam yang lebih kukuh, seperti mengimarahkan masjid dan pembasmian kemiskinan.

"Begitu juga bidang pendidikan sehingga pencapaian keputusan peperiksaan di Kedah meningkat daripada tangga tercorot ke tempat kedua di seluruh negara.

"Memang jika dilihat secara kasar, pembangunan fizikal tidak ketara kerana projek pembangunan ditangguh, tetapi ketika keadaan ekonomi tidak mengizinkan pembangunan fizikal, kita bangunkan projek lain yang turut memberi manfaat," katanya.

Justeru, menurutnya, dakwaan kononnya BN dan Umno Kedah bakal menghadapi cabaran hebat dan getir tidak boleh diterima kerana kemantapan Umno sukar digugat, manakala pembangkang tidak mampu membuat ancaman.